

**TINJAUAN TERHADAP FAKTOR-FAKTOR YANG BERKAITAN  
PEMILIHAN KERJAYA PELAJAR-PELAJAR  
SEKOLAH MENENGAH TEKNIK BATU PAHAT**

**MASRIAINI BINTI MANSOR**

Tesis ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER, 2001



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

*Bingkisan Ilmu Ini Dititipkan Untuk:*

*Ayahanda dan Bonda Tersayang  
Segala Jasa Dan Bakti Tidak Mungkin Terbalas  
Walau Dengan Segunung Intan*

*Tidak Lupa Kepada Adik Beradik Yang Terlalu Banyak Menabur Budi.....*

*Serta Rakan-Rakan Seperjuangan*

*Terima Kasih Di Atas Segalanya...  
Tiada Harta Di Dunia Ini Yang Setara Nilainya  
Dengan Kasih dan Cinta Kalian*



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi ALLAH S.W.T. yang Maha Pengasih, Pemurah lagi Penyayang. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Rasulullah s.a.w. Dipanjatkan rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka terhasillah kertas kajian ini

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada **En. Kamarolzaman Haji Mohd Jidi** di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, galakan, serta teguran yang membina sepanjang menyiapkan kajian ini. Tanpa bimbingan yang konsisten daripada beliau mustahil kajian ini dapat dihasilkan sebegini rupa.

Sekalung budi dan penghargaan juga ditujukan kepada **Tuan Haji Ali Suradin** yang telah memberikan saranan, cadangan dan nasihat dalam membantu meningkatkan kualiti kertas kajian ini.

Rakaman penghargaan ini ditujukan juga kepada pihak Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat serta para responden yang telah sudi menjawab borang soal selidik dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh.

Tidak dilupakan kepada semua rakan seperjuangan yang sentiasa memberi galakkan, sokongan, bantuan serta dorongan dalam menempuh segala cabaran. Akhir kata, semoga segala usaha dan bakti yang telah dicurahkan diterima dan diberkati oleh ALLAH S.W.T. Terima Kasih dan Wassalam.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara faktor jantina dan jenis aliran terhadap pemilihan kerjaya pelajar. Di samping itu kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar. Kajian ini telah dilaksanakan ke atas 217 orang pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat. Alat kajian yang digunakan adalah soal selidik dan data-data dianalisis secara peratusan dan min. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar dari aliran teknik dan vokasional mempunyai tahap kecenderungan yang paling tinggi untuk memilih ciri kerjaya yang memberi peluang untuk ke luar negara. Keputusan kajian juga mendapati bahawa faktor media massa merupakan faktor utama mempengaruhi pelajar dalam membuat pemilihan kerjaya.



PTTRAHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJANGAN AMINAH

## ABSTRACT

The purpose of this study is to investigate relation between gender and streams with the chosen of profession by student. This study also to find the factor that influence student in choosing a career. This study was done to 217 of form four students at Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat. The instrument that has been used is questionnaires and the data was analyzed by using percentage and mean. The result of this study, shows that all the students from technical and vocational streams have high tendency to choose type of career that give them an opportunity to go to overseas. The results also shows that mass media is the main factor influencing students in choosing their career.



PTTA UTM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Soalan Kajian	6
	1.5 Tujuan Kajian	7
	1.6 Kerangka Teori	7
	1.7 Kepentingan Kajian	11

1.8	Skop Kajian	12
1.9	Definisi Istilah	13
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>15</b>
2.1	Pengenalan	15
2.2	Kajian Mengenai Faktor Jantina	15
2.3	Kajian Mengenai Faktor Aliran Persekolahan	17
2.4	Pengaruh Keluarga Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar	18
2.4.1	Faktor Sosioekonomi Keluarga	19
2.4.2	Faktor Peranan Keluarga	20
2.4.3	Faktor Keluarga Yang Bermasalah	20
2.5	Pengaruh Rakan Sebaya Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar	21
2.6	Pengaruh Sekolah Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar	23
2.7	Pengaruh Media Massa Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar	23
2.8	Pengaruh Teknologi Maklumat Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar	24
<b>BAB III</b>	<b>METADOLOGI KAJIAN</b>	<b>26</b>
3.1	Pengenalan	26
3.2	Rekabentuk Kajian	27
3.3	Sampel Kajian	27



3.4	Instrumen Kajian	28
3.5	Kajian Rintis	29
3.6	Prosedur Kajian	30
3.7	Kaedah Analisi Data	30
3.8	Batasan Kajian	31
3.9	Andaian	31

#### **BAB IV HASIL DAPATAN DAN ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	32
4.2	Analisis Bahagian A	33
4.2.1	Jantina	33
4.2.2	Aliran Persekolahan	34
4.3	Analisis Bahagian B	34
4.3.1	Bahagian B(I) – Analisis Ciri-Ciri Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar Mengikut Aliran.	36
4.3.2	Bahagian B(II) – Analisis Ciri-Ciri Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar Mengikut Jantina	47
4.4	Analisis Bahagian C	49
4.4.1	Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar.	51
4.5	Analisis Bahagian D	58

#### **BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	61
5.2	Perbincangan	62



5.2.1	Ciri-ciri kerjaya yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar	62
5.2.1.1	Aliran Persekolahan	62
5.2.1.2	Jantina	63
5.2.2	Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar	66
5.3	Rumusan	68
5.4	Cadangan	69
5.4.1	Saranan Kajian	69
5.4.2	Cadangan untuk kajian lanjutan	71
5.5	Penutup	71

## BIBLIOGRAFI

72

## LAMPIRAN

Lampiran A-E

77-110



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Jumlah bilangan responden mengikut jantina	33
4.2	Jumlah bilangan responden mengikut aliran persekolahan	34
4.3	Skor min bagi ukuran tahap kecenderungan	35
4.4	Pekerjaan yang mencabar dan lasak	36
4.5	Pekerjaan yang selesa dan mudah	37
4.6	Pekerjaan yang menawarkan gaji yang lumayan	37
4.7	Bekerja sendiri tidak dikongkong oleh majikan	38
4.8	Pekerjaan yang mempunyai waktu kerja yang tetap	39
4.9	Pekerjaan yang mempunyai peraturan dan disiplin yang tinggi	39
4.10	Pekerjaan yang memerlukan pengamatan dan Penyelidikan	40
4.11	Pekerjaan yang membolehkan bertemu dan berurusan dengan orang ramai	41
4.12	Pekerjaan yang memberi peluang untuk melakukan tugas-tugas amal dan membantu masyarakat	42
4.13	Pekerjaan yang menggunakan imaginasi dan kreativiti	42
4.14	Pekerjaan yang melibatkan penggunaan alatan dan mesin	43
4.15	Pekerjaan memerlukan kemahiran dalam pengendalian	

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian yang menunjukkan hubungan antara faktor-faktor yang berkaitan dengan aspirasi kerjaya	10



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang soal selidik	77
B	Surat kebenaran Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia	84
C	Kadar Ratio Persampelan mengikut Kreji, R.V. & Morgan, D.W.	86
D	Senarai mata pelajaran mengikut aliran persekolahan	87
E	Analisis SPSS	93



PTAAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Menjelang abad ke-21, negara menuju ke arah menjadi sebuah negara maju dan industri, dengan Wawasan 2020 yang dikemukakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Dato<sup>™</sup> Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 28 Februari, 1991, maka pembangunan sumber manusia bagi persediaan untuk berubah dan mencapai cita-cita wawasan menjadi agenda yang utama dalam pelan tindakan negara kini. Kemajuan dari segenap segi; sains, teknologi, ekonomi, sosial, pendidikan, informasi, politik, industri dan seumpamanya, pastinya akan memberi kesan psikologi dan sosial terhadap individu-individu dan seluruh masyarakat dalam Malaysia. Kemajuan yang begitu pesat pastinya melahirkan persaingan yang membawa kepada perubahan-perubahan hidup terutamanya dalam bidang pekerjaan, kekeluargaan dan kehidupan seharian. Oleh yang demikian, memilih dan menentukan dunia pekerjaan di masa kini dan akan datang adalah sangat penting dan signifikan bagi setiap individu. Begitu jugalah bagi pelajar-pelajar kerana fenomena pemilihan kerjaya atau pekerjaan pasti akan mereka lalui. Mereka terpaksa membuat pilihan dan keputusan, seterusnya merancang supaya kerjaya yang akan mereka ceburi kelak dapat memberi kepuasan bekerja semaksimanya supaya mereka

dapat menjadi pekerja yang produktif, berkualiti dan komited dengan kerjanya serta bersesuaian pula dengan kehendak-kehendak wawasan negara mahu menjadi negara maju dan industri pada tahun 2020.

Menurut Gibson dan Mitchell (1981) pekerjaan adalah aktiviti-aktiviti yang spesifik. Pekerjaan selalu dihubungkan dengan mobiliti sosial. Ini disebabkan pekerjaan berkait rapat dengan faktor-faktor penting yang menentukan kedudukan dan status sosial seseorang. Begitu juga pekerjaan dapat meramalkan pendapatan, pelajaran dan lain-lain aspek kehidupan yang dikehendaki oleh seseorang. Menurutnya lagi, pekerjaan merupakan suatu kategori penting untuk membahagikan dan menentukan kedudukan tinggi rendah anggota sesuatu masyarakat. Malah pekerjaan boleh dijadikan indeks yang objektif dalam sesuatu penyelidikan.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Pemilihan terhadap pelbagai kerjaya yang sesuai dengan minat, kebolehan dan nilai pelajar-pelajar perlu didedahkan dan diberi penjelasan serta dibimbing agar mereka dapat membuat pemilihan yang betul dan sangat sesuai dan selari dengan minat dan kebolehan diri mereka.

Maka membuat keputusan untuk menceburi sesuatu kerjaya itu amat besar maknanya dan penting bagi seorang pelajar kerana jika kerjaya yang dipilih itu tidak sesuai dengan minat dan kebolehan mereka, kemungkinannya apabila sudah bekerja kelak mereka akan bertukar-tukar kerja dan mencari-cari kerjaya yang sesuai. Mereka akan berterusan mencari kerja sehinggalah mendapat kerjaya yang benar-benar sesuai

dengan minat dan kebolehan. Jika ini berlaku ia akan merugikan masa dan diri pelajar tersebut

Menurut Walterberg (1973) permasalahan yang wujud di kalangan kaum remaja adalah tertumpu kepada permasalahan kewangan, seks, dadah, salah suai peribadi, sosial dan kerjaya. Persoalan kerjaya yang akan dijawab kelak merupakan sesuatu yang signifikan dalam kehidupan mereka. Menurutnya lagi, kaum remaja melihat kerjayanya di masa akan datang sebagai anak-anak tangga untuk mencapai kehidupan yang lebih baik dan sempurna untuk dirinya dan keluarga. Malah adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa masalah pemilihan kerjaya masa kini adalah menjadi masalah yang peribadi dan sangat penting.

Pengaruh keluarga ke atas pemilihan kerjaya boleh berbentuk positif, iaitu dengan memberi nasihat atau berbentuk negatif, iaitu dengan menyuruh anak-anaknya supaya mengelakkan diri daripada pekerjaan-pekerjaan yang berpendapatan rendah dengan peluang-peluang yang terhad.

Menurut Roger (1981), kaum remaja adalah lebih mudah dipengaruhi oleh keluarga, khususnya ibubapa mereka dalam membuat keputusan. Begitu jugalah remaja-remaja yang terdiri daripada kaum perempuan, mereka lebih tertakluk kepada pengaruh keluarga jika dibandingkan dengan kaum remaja lelaki. Ginsberg dan Herma (1951) juga telah sependapat kata bahawa pengaruh ibubapa adalah signifikan di dalam pemilihan kerjaya terhadap anak-anak mereka.

Menurut Slocum (1966), menyatakan dalam pemilihan kerjaya terdapat empat faktor yang mempengaruhi tindakan seseorang individu. Faktor-faktor ini ialah :

- (i) pembolehubah-pembolehubah personal seperti kebolehan, minat, jantina, umur, ciri-ciri fizikal dan sejarah hidup seseorang.
- (ii) Sosial dan budaya seperti nilai-nilai masyarakat, pra syarat dan peluang-peluang pekerjaan.
- (iii) Hubungan inter-personal dengan individu-individu lain.
- (iv) Nilai-nilai rujukan seperti keluarga, rakan sebaya dan guru

Tolbert (1974), pula berpendapat bahawa pendedahan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya adalah penting, terutama di kalangan pelajar-pelajar kerana ia boleh menolong mereka menerokai bidang-bidang kerjaya yang sesuai baginya.

Ahli-ahli teori perkembangan kerjaya seperti Holland (1970) dan Roe (1957), pula berpendapat antara faktor-faktor penting yang mempengaruhi pilihan kerjaya seseorang itu ialah bakat, pencapaian akademik, latar belakang, keadaan ekonomi keluarga, minat dan personaliti.

Crites (1969), menekankan tentang faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi proses pemilihan kerjaya. Antara faktor-faktor tersebut adalah :-

- (i) Persekitaran termasuk keluarga, sekolah dan media mssa
- (ii) Komuniti termasuk rakan sebaya dan kumpulan etnik

Namun demikian, sehingga ke hari ini, faktor pencapaian akademik mempunyai pengaruh dan kesan yang amat signifikan juga dalam menentukan kerjaya seseorang pelajar. Menurut Solomon (1973) pencapaian dalam pendidikan mempunyai kesan yang luas terhadap status pekerjaan yang juga dipengaruhi secara langsung oleh status



pekerjaan bapa. Secara umumnya, di Malaysia, jika seseorang pelajar hanya mampu belajar sampai tahap Sijil Rendah Pelajaran (SRP) atau kini dipanggil Penilaian Menengah Rendah (PMR), maka pelajar ini akan hanya layak menjawat jawatan-jawatan dalam kategori D iaitu seperti buruh am, pelayan pejabat atau pembantu pejabat.

Jika pelajar itu mampu belajar sampai ke tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pula maka si pelajar ini layak untuk menjawat jawatan-jawatan dalam kategori C sahaja seperti kerani, pembantu tadbir dan seumpamanya. Begitulah seterusnya jika pelajar belajar di tahap Diploma, mereka akan berada dalam jawatan kategori B dan jika mereka mampu sampai ke tahap Sarjana Muda dan ke atas, maka mereka akan menjawat jawatan-jawatan dalam kategori A iaitu dalam kategori profesional dan ikhtisas

Hubungan tahap-tahap pencapaian akademik dengan kategori perjawatan yang dinyatakan, sebenarnya adalah perkara-perkara yang digazetkan dan ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Tegasnya jika seseorang pelajar yang mahu berkhidmat dengan JPA, maka mereka perlu mematuhi syarat-syarat dan tawaran-tawaran yang ditentukan oleh JPA. Manakala bagi pelajar-pelajar yang mahu berkhidmat dengan pihak swasta, maka mereka perlu juga memenuhi syarat-syarat yang ditawarkan oleh pihak-pihak berkenaan.

Sehubungan itu, dalam kajian ini, pengkaji telah melihat bagaimana faktor jantina, aliran sekolah, keluarga, rakan sebaya, pihak sekolah, media massa dan teknologi maklumat mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat.

### 1.5 Tujuan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah dan persoalan kajian, maka tujuan kajian ini ialah :-

- (i) Untuk membandingkan ciri-ciri kerjaya pilihan di kalangan pelajar mengikut :
  - a. jantina – lelaki dan perempuan
  - b. aliran – teknik dan vokasional
- (ii) Mengenalpasti faktor-faktor seperti peranan ibubapa, rakan sebaya, pihak sekolah, media massa dan teknologi maklumat mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar.

### 1.6 Kerangka Teori

Apabila membicarakan mengenai pemilihan kerjaya, seseorang itu tidak terlepas daripada merujuk beberapa teori mengenai kerjaya. Menurut teori Ginzberg (1972) iaitu Teori Pilihan Kerjaya bahawa membuat pilihan terhadap kerjaya adalah suatu proses untuk membuat keputusan yang berlaku sejak remaja sehinggalah ke awal umur dua puluhan iaitu apabila individu itu mula sedar dan mengetahui penglibatan mereka untuk bekerja.

Teori ini menyatakan bahawa terdapat tiga faktor utama dalam pertimbangan memilih kerjaya, iaitu faktor peribadi seperti menilai kesesuaian diri sendiri dengan pekerjaan yang hendak diceburi ataupun ciri-ciri dalaman seperti personaliti yang dianggap sesuai dengan pekerjaan yang dipilih. Kedua ialah faktor realiti yang berkaitan dengan kerjaya, iaitu apakah ciri-ciri kerjaya yang dianggap menarik yang menyebabkan keputusan untuk memilih sesuatu kerjaya itu. Ketiga adalah faktor pengaruh daripada orang lain yang signifikan ( significant others ) seperti ibubapa, jiran, guru, kaunselor atau rakan sebaya.

Menurutnya lagi bahawa tingkat atau taraf pendidikan seseorang adalah penting dalam membuat pilihan kerjayanya. Taraf pendidikan boleh menentukan tahap pekerjaan seseorang. Jika tinggi tahap pendidikannya, maka lebih tinggilah tahap kerjayanya. Sebaliknya jika tahap pendidikannya rendah, maka rendahlah tahap kerjayanya. Dengan lain perkataan Ginzberg menyatakan bahawa pemilihan sesuatu kerjaya hendaklah disesuaikan dengan minat, kebolehan, nilai-nilai dan pengetahuan tentang dunia pekerjaan yang akan diceburi oleh seseorang individu.

Menurut Super (1972) pula, Teori Perkembangan Kerjaya yang dipeloporinya, menekankan mengenai peringkat-peringkat dalam membuat pilihan kerjaya. Peringkat tersebut adalah peringkat perkembangan, pencerokaan, pemantapan, persaraan dan peringkat menurun. Peringkat perkembangan menjelaskan mengenai pembentukan konsep sendiri oleh individu dengan mengenalpasti orang-orang yang signifikan dalam keluarga dan sekolah. Mereka pada peringkat ini akan menonjolkan minat dan kebolehan dengan menceburi dirinya dalam aktiviti-aktiviti sosial di sekolah ataupun di rumah. Super telah membahagikan peringkat ini kepada tiga bahagian iaitu:

- |                       |   |                    |
|-----------------------|---|--------------------|
| a) Bahagian Fantasi   | - | 4 hingga 10 tahun  |
| b) Bahagian Minat     | - | 11 hinggg 12 tahun |
| c) Bahagian Kebolehan | - | 13 hingga 14 tahun |

Peringkat penerokaan pula adalah peringkat di mana individu itu berada dalam lingkungan 15 hingga 24 tahun. Dalam peringkat ini, Super membahagikannya kepada tiga bahagian iaitu :


- a) Bahagian tidak tetap - 16 hingga 17 tahun
- b) Bahagian Peralihan - 18 hingga 21 tahun
- c) Bahagian Percubaan - 22 hingga 24 tahun

Dalam peringkat penerokaan, peranan yang dimainkan oleh pihak keluarga dan sekolah adalah amat penting. Di peringkat ini, individu kan cuba-cuba untuk bekerja ataupun bekerja secara sambilan untuk menerokai dunia pekerjaan yang sebenar. Ketika ini jugalah individu mencari kerjaya yang sesuai dan yang mereka minati.

Sebagai kesimpulan, Rajah 1.1 menunjukkan hubungan atau perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah. Aspirasi kerjaya merupakan pembolehubah bersandar, manakala faktor jantina, aliran sekolah, ibubapa, rakan sebaya, pihak sekolah, media massa dan teknologi maklumat adalah pembolehubah bebas.



PTAA  
PERPUSTAKAAN UNTUK SEMUA  
PERPUSATKANAAN AMINAH



Rajah 1.1: Kerangka Teori kajian yang menunjukkan hubungan antara faktor-faktor yang berkaitan dengan aspirasi kerjaya.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Pengkaji berminat untuk menjalankan kajian ini kerana pemilihan kerjaya adalah satu perkara yang penting dan berkait rapat dengan masa depan pelajar dan alam pendidikan. Pelajar hari ini adalah generasi yang akan menjadi tenaga pembangunan negara pada masa akan datang. Oleh itu perlu diketahui ke manakah arahnya pemilihan kerjaya mereka supaya sesuatu langkah boleh diambil untuk memastikan kerjaya mereka adalah bersesuaian dengan keperluan negara. Hasil kajian diharap dapat memberikan sumbangan kepada pihak-pihak yang tertentu sebagai panduan dan tindakan selanjutnya.

- (i) Kajian ini boleh memberikan maklumat-maklumat yang berfaedah kepada pelajar dalam membuat pemilihan kerjaya.
- (ii) Penemuan kajian ini juga perlu untuk memberikan maklumat kepada guru mengenai ciri-ciri pilihan kerjaya pelajar-pelajar dan perbezaan ciri-ciri pilihan kerjaya berdasarkan jantina dan aliran persekolahan. Guru juga dapat menentukan sama ada pelajar memilih bidang kerjaya yang bersesuaian dengan aliran persekolahan serta minat dan keupayaan mereka. Oleh itu dapatlah guru kerjaya khususnya, merancang dan memberikan bimbingan yang sewajarnya. Ini adalah untuk memastikan agar kerjaya yang dipilih oleh pelajar adalah yang bersesuaian dengan diri mereka dan keperluan masyarakat serta negara pada masa akan datang.
- (iii) Hasil kajian ini nanti diharap dapat membantu pihak-pihak yang terlibat seperti kaunselor, guru dan pelajar di dalam mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar.

- (iv) Kaunselor dan guru-guru di sekolah boleh berkerjasama di dalam mengenalpasti keperluan murid-murid dan ianya dapat disalurkan di dalam menyediakan para pelajar dengan pengetahuan dan pengalaman mengenai pemilihan kerjaya.
- (v) Pihak kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya misalnya melaksanakan program-program yang bermanfaat kepada pelajar khususnya dalam pemilihan kerjaya yang besesuaian

### 1.8 Skop Kajian

Kajian ini merupakan kajian berkenaan dengan ciri-ciri pemilihan kerjaya di kalangan pelajar yang berbeza aliran persekolahan dan jantina. Kajian ini juga ingin melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar. Faktor-faktor yang hendak dikaji dalam kajian ini hanyalah berkenaan peranan ibubapa, pengaruh rakan sebaya, pihak sekolah, media massa dan teknologi maklumat.

Kajian ini terbatas kepada pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Johor.



## 1.9 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini yang perlu dijelaskan dengan pengertian yang tepat supaya pemahaman sebenar terhadapnya tercapai.

### (a) Pemilihan Kerjaya

Pemilihan kerjaya merupakan proses perkembangan. Ia bukan satu keputusan tetapi satu siri aktiviti membuat keputusan dalam jangka waktu tertentu. Setiap keputusan itu pula mempengaruhi keputusan selanjutnya (Ginzberg et al, 1966).

Menurut Mansur dan Nordinar (1989), pemilihan kerjaya adalah merupakan gabungan beberapa pemilihan lain yang termasuk keinginan berkawan, berinteraksi, menyertai kumpulan dan aktiviti, pemilihan bidang, program serta minatnya secara peribadi.

Menurut Tolbert (1974), aspirasi pemilihan kerjaya adalah satu set tingkahlaku dan sikap yang teratur yang membolehkan seseorang individu bertindak dengan berjaya apabila menghadapi tuntutan dari persekitaran. Seterusnya beliau juga mengatakan bahawa pemilihan kerjaya adalah kebolehan untuk membuat keputusan atau pilihan dengan sendiri dan kesanggupan untuk bertanggungjawab kepadanya.

Pengertian pemilihan kerjaya di dalam kajian ini dimaksudkan sebagai proses membuat keputusan terhadap sesuatu pekerjaan. Ianya juga adalah satu proses di mana seseorang itu membuat pilihan terhadap sesuatu pekerjaan. Ianya juga adalah satu proses



## BIBLIOGRAFI

- Abdul Nasir Hassan (1997). "Aspirasi Pekerjaan Pelajar dan Beberapa Faktor Yang Mempengaruhinya: Satu Kajian Kes di Kedah." Universiti Kebangsaan Malaysia: Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera (Kepujian)
- Abu Bakar Jaafar (1986). "Kajian Antara Jantina Dan Minat Kerjaya di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan 4 di Dua Buah Sekolah Menengah di Melaka. Latihan Ilmiah Universiti Pertanian Malaysia.
- Azizi Hj. Yahya (1992). "Menempuh Alam Kerjaya: Satu Cabaran." Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn bhd. 32 – 60.
- Chew Sing Buan (1995). "Education and Work-Aspiration of Malaysian Secondary School Students." Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Crites, J.O. (1969). "Career Maturity Inventory : Administration and Research Handbook." Montrey, Calif: CTB/ Graw Hill.
- Gati, I., Gavin, M. & Osipow, S.H. (1995). "Gender Differences in Career Decision Making : The Content and Structure Preferences." Journal of Counseling Psychology. 204-206.
- Ginsberg, E., Axelrad, S. and Herma J.L. (1951). "Occupational Choice: An Approach to a General Theory." New York: Columbia University Press.
- Ginzberg, E. (1972). "Towards a Theory of Occupational Choice : A Restatement. Vocational Guidance Quarterly. 169-176

Ginzberg, E., Ginsburg, S. W., Axelred, S. & Herma, J. L. (1966). "Occupational Choice : An Approach To A General Theory." New York and London: Columbia University Press.

Helper, M.N. (1958). "Parental Evaluation of Children and Children's Self Evaluations." *Journal of Abnormal and Social Psychology*. 364-366.

Holland, J.L. (1970). "Making Vocational Choices A Theory Of Career." Ney Jersey: Prentice Hall.

Holland, J.L. (1973). "Making vocational choices: A Theory of Personalities, Type and Model Environment. Walthat Massachusettes: Braisdel.

Hushim Haji Salleh (1994). "Pengaruh Keluarga, Sekolah dan Pencapaian Akademik Terhadap Pemilihan Kerjaya Pelajar." Tesis Sarjana Pendidikan Universiti Malaya.

Jamilah Yahya (1985). "Faktor-faktor Yang mempengaruhi Pilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Lima." Universiti Pertanian Malaysia: Tesis tidak diterbitkan.

Keotsvart Lendell (1997). "Management by Menu." London : Wiley & Sons Inco. 80-82

Kifer, E. (1975). "Relationship Between Academic Achievement ang Personality Characteristics: A Quasi-longitudinal Study." *American Education Research Journal*.

Koski, L.K (1988). "Career and Home Making Choice Of College Preparatory." *A Vocational Guidance Quarterly*. 213-220.

Krejeie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). "Determining Sample Size For Research: Educational and Psychological Measurement." 607-610.

Lim Nyuk Foong (1991). "Pengaruh Keluarga Terhadap Pemilihan Kerjaya." Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lum Oi Lee (1984). "Kajian Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pilihan Pekerjaan Di Kalangan Murid-Murid Sekolah Menengah – Satu Kajian Kes." Latihan Ilmiah Universiti Pertanian Malaysia.

Mc Mann (1988). "Problems in Families With Gifted Children." *Jurnal of Counseling and Development*. 275 –278

Mohd Shaari Bin Mohd Noor (1997). "Pemilihan Kerjaya dan Kecenderungan Terhadap Keusahawanan Di Kalangan Pelajar di Sekolah Menengah: Satu Kajian di Sekolah Menengah King George – V seremban." Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana.

Muhd Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd Tamin (1989). "Kaunseling Teori Dan Amalan." Kuala Lumpur: Vinlin Press. 10-25.

Nadesan A/L Ramasamy (1982). "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pilihan Kerjaya di Sekolah Bandar dan Luar Bandar." Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana.

Nevill, J.F. and Schlecher, E. (1998). "Predicting the Occupational Aspiration, Occupational Expectations and Career maturity of Male and Female 10<sup>th</sup> Graders." *Vocational Guidance Quarterly*. 29-37.

Noor Suriani Nazruddin (2000). "Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar. Satu Tinjauan." Tesis Sarjana Pendidikan KUITTHO.

Norma Mansor et. al. (1995). "Career Aspirations: Education and Work." Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Ramli Hj Salleh (1985). "Masalah-Masalah Pemilihan Kerjaya di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Ugama di Kelantan." Latihan Ilmiah Universiti Pertanian Malaysia.
- Robert D. M. (1987). "Occupational Information." Chicago Science Research Associates Inc.
- Roe, A. (1957). "Early Determinants Of Vocational Behavior." *Journal Of Counseling Psychology*.
- Roger, M. (1981). "Adolescent and Youth. New Jersey": Prentice Hall.
- Salmi Hassan (1985). "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Luar Bandar." Universiti Pertanian Malaysia: Tesis Sarjana.
- Slocum W.L. (1966). "Occupational Carreers. A Sociological Perspective." Chicago: Aldine Publishing Company.
- Super, D.E. (1972). "The Psychology of Career. New York: Harper and Row.
- Tolbert, E. L. (1974). "Counseling for Career Development." Boston: Houghton Mifflin Company. 55 – 60.
- Walker, L.S. & Greene, J.W. (1986). "The Social Context of Adolescent Self-Esteem." *Journal of Youth and Adolescent*. 315-321.
- Walterberg, W.W. (1973). "The Adolescent Year." New York: Harcourt Brace Javanorich Inc.

Zahara Che Mat (1992). "Konsep Kendiri dan Pemilihan Kerjaya: Satu Kajian Perbandingan di Antara Anak Yatim Dengan Pelajar Yang Masih Mempunyai Ibubapa. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zolkifly (1986). "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Empat." Universiti Pertanian Malaysia: Tesis Sarjana.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH